

# IQRA'

Bil. 9/2022  
SEPTEMBER



**Kursus Digital Dalam Urusan Pejabat  
(Microsoft Teams)**  
PTAR Shah Alam - muka 10



**Webinar Understanding Dark Data :  
How Data Steward Should Leverage Them?**  
PTAR Rembau - muka 13



**Program Khidmat Masyarakat 3.0 UiTM**  
Kampus Bandaraya Melaka  
PTAR Kampus Bandaraya - muka 24



**Skill-Up The Languages :  
Read2ReadLead**  
PTAR Machang - muka 27



**Live@PTAR Siri 3 :  
Hijrah Memimpin Perubahan**  
PTAR Samarahan- muka 35

## PROMOSI@PTAR



**LAWATAN KERJA KETUA PUSTAKAWAN PTAR KE  
PTAR CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
12 SEPTEMBER 2022**

**BULETIN**

**IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
SHAH ALAM

*Disediakan oleh: Asmah Sabtu*



*Ketua Pustakawan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM sedang mengadakan lawatan kerja selama dua (2) hari ke PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan bermula 12 September 2022 hari Isnin. Lawatan kerja ini ialah kali kedua yang diadakan selepas lawatan kerja pertama di PTAR UiTM Cawangan Johor pada 4 September 2022 hari Ahad hingga 5 September 2022 hari Isnin.*

*Ketua Pustakawan PTAR, YBrs. Encik Jamalludin bin Hj. Sulaiman telah diiringi oleh Encik Ahmad Amiri bin Mohamad, Ketua Jabatan Arkib Universiti (JAU) telah mengadakan lawatan kerja ke tiga (3) lokasi PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan iaitu di PTAR Kampus Seremban, PTAR Kampus Kuala Pilah dan PTAR Kampus Rembau.*

*Lawatan kerja Ketua Pustakawan UiTM ini telah disambut oleh Ketua Perpustakaan PTAR Cawangan Negeri Sembilan iaitu Puan Jamilah Md Yusoff. Satu taklimat pencapaian PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah disampaikan oleh Puan Jamilah di lokasi pertama lawatan kerja Ketua Pustakawan UiTM iaitu di PTAR Kampus Seremban.*

*Sesi lawatan kali ini akan turut dihadiri oleh semua staf PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan, di setiap lokasi yang dikunjungi. Staf PTAR di sini berpeluang menyertai sesi perbincangan dua hala yang membincangkan aspirasi universiti ke arah matlamat sebagai Universiti Tersohor pada tahun 2025. Lokasi terakhir lawatan ini akan berlangsung di PTAR Kampus Rembau pada 13 September 2022 hari Selasa.*







اَبُو سَيِّدِي رَزَاكُ مَرَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

## Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,  
Bahagian Komunikasi Korporat,  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
UITM Shah Alam.



library.uitm.edu.my